

fail: adat7

PERBILANGAN ADAT DI GUNUNG PASIR

Dituturkan Ketika Bersuka-sukaan Musim Menuai

Mengaji daripada alif
Berbilang daripada esa
Berkata daripada asal
Usul asal jangan ditinggalkan

Ialah, To'
Sehelai akar, sebingkah tanah
Sebatang kayu
Sehelai akar yang putus akan pengikat
Sebingkah tanah terbalik buat permatang
Kayu sebatang buat turasan
Permatang sudah lurus, tanah sudah datar
Tanaman sudah menjadi, orang sudah nan sentosa.

Kemudian To', bilangan sedikit:-
Si pasin mudik ke hulu
Si lawah mudik ke hilir
Alan nan beraja, luak nan berpenghulu
Suku nan berlembaga, anak buah dengan buapak

Kemudian lagi, To'
Adat nan datar, pesaka satu
Adat tidak bertukar, setia tidak berubah
Muafakat tidak beralih
Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
Cicir sama rugi, dapat sama laba.

Tanah sekepal sahaya gunungkan
Air setitik sahaya lautkan
Padang sepermainan, sejamban seperigi
Jalan sedundun, lenggang seayun
Duduk sejajar.

Kata-kata sahaya
Sekocong bak kuih, sebungkus bak nasi
Tumbuh di hulu dimudiki
Tumbuh di hilir dihiliri
Tumbuh di tengah dihimpuni

Kemudian hari nan sehari ini berbulatlah To', di atas diri sahaya
waris nan saka bersaka, hari nan sehari ini: Adalah sahaya sembahkan
kepada dato'

Pinang sekacip, sirih nan secarik
Kapur nan sepalit, gambir nan secubit
Tembakau nan seurat
Air nan seteguk, nasi nan sekepal.

Itulah nan sahaya sembahkan kepada dato'. Habislah sembah sahaya dato'.

Pepatah Petitih Menerima Pengantin Lelaki Naik Ke Pelamin

Hidup beruntungan, mati berhukum Allah
Mati dikandung bumi, berupa ada tanah di badan
Hidup dikandung adat, berupa ada rumput yang menjalar
Untung nan melambung, malang nan menimpa
Tersemenda sahaya kepada anak buah (si anu, sebut namanya...)

Petang tiba, pagi diunjuk
Diberi oleh tempat semenda
Kampung nan bersudut
Rumah nan berketak tangga
Anak buah seorang, serta beripar lamai
Kemudian oleh sahaya terima
Bulan tidak ditentukan, tahun tidak dibilangkan.

Maka mengadakan anak
Pertama lelaki, kedua perempuan
Untung lelaki diserahkan mengaji
Untung anak perempuan menjahit
Untung anak sahaya dinanti-nantikan.

Risik nan berlasus, gamit nan berkecapi
Bak pikat seekor, bak angin sepoi
Jauh sudah sahaya jemputkan
Dekat sudah sahaya kumpulkan.

Seperti adalah kata hendak diberikan kepada tempat semenda
iaitu cincin sebetuk tanda muafakat

Sah sekata, kata dibalikkan
Tak sah sekata, cincin dibalikkan
Sah sekata kepada tempat semenda
Tak sah sekata berbalik kepada orang semenda
Iaitu janji diikat, dalam janji digaduhkan
Sampai janji ditepati.

Maka seperti sahaya ini menepati janji hari nan sehari ini menjemput
anak buah dato', sebab kerana dengan anak buah si anu serta dengan adat pesakanya.

Menjemput Suami Yang Kematian Isteri

Hidup beruntungan, mati berhukum Allah
Mati dikandung bumi, hidup dikandung adat
Alam beraja, luak berpenghulu
Suku berlembaga, anak buah dengan buapak
Duduk bersuku-suku, adat tidak menghambat
Hukum tidak menggalang.

Tersemenda sahaya pada anak buah dato'
Kalau petang tiba, pagi diunjuk
Diberinya pada orang semenda
Kampung nan bersudut, rumah nan berketak tangga
Sawah nan berlopak.

Kemudian untung diserukan
Kalau nan lama beranak pinak
Kalau nan baharu beripar lamai
Kemudian untung diserukan
Kalau bulan, tidak ditentukan
Kalau tahun, tidak dibilangkan
Ada sehari nan dua
Pertama untung jahat, kedua untung baik
Untung tumbuh sehari nan dua
Jikalau ke laut pecah perahu
Jikalau ke darat, pecah periuk

Maka berbulatlah waris laki-laki dan waris bini hari nan sehari ini:-
Kalau cicir, hendak dipungut
Kalau hilang, hendak dicari
Kalau bertimbun, hendak dikekas
Kalau pinang, hendak pulang ke tampuknya
Kalau sirih, hendak pulang ke gagangnya
Kalau belut, hendak pulang ke lumpurnya
Kalau burung, hendak pulang ke sangkarnya.

Maka berbulatlah anak buah dengan buapaknya serta waris pesaka
hendak menjemput waris pesaka hari yang sehari ini.

(Dikutip dari 'Papers on Malay Subjects' - J E Nathan & R O Winstedt)